

## **DASAR PENCEGAHAN RASUAH DAN SOGOKAN**

### **1. PENGENALAN**

Dasar ini menggariskan tanggungjawab dan obligasi pekerja Reszon serta mana-mana orang lain atau orang yang mempunyai kaitan dengan Syarikat dalam memantau dan mempertahankan pendirian toleransi sifar Syarikat terhadap rasuah dan sogokan. Dasar ini juga berfungsi sebagai sumber maklumat dan panduan untuk pekerja kami mengenal pasti atau menangani rasuah dan sogokan di tempat kerja.

### **2. PENYATAAN DASAR**

- 2.1. Reszon komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan jujur, dan komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan garis panduan bagi memastikan sogokan dapat dicegah. Reszon mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk aktiviti rasuah atau sogokan serta komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan, sama ada di dalam negeri atau di luar negara.
- 2.2. Dasar ini terpakai kepada semua pekerja pada semua peringkat jawatan, termasuk dan tidak terhad kepada Lembaga Pengarah, Pengurusan, kakitangan tetap, pekerja kontrak, perunding, kontraktor, pelatih atau mana-mana pihak ketiga yang berkaitan seperti bakal pelanggan, pembekal, pengedar, kenalan perniagaan, ejen, penasihat, wakil swasta atau badan kerajaan.
- 2.3. Kami menjadikan Garis Panduan Tatacara Lengkap yang dikeluarkan menurut Seksyen 17A(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 sebagai panduan dalam menerbitkan Dasar ini.

### **3. AMALAN PENCEGAHAN RASUAH DAN SOGOKAN**

- 3.1. Reszon tidak menerima atau membuat apa-apa bentuk atau apa-apa jua jenis bayaran permudahan. Kami faham bahawa sogokan tersebut lazimnya diberikan untuk mendapatkan balasan berupa pertolongan atau manfaat perniagaan dan kami tidak menerima bentuk sogokan seumpamanya, sama ada secara langsung atau melalui mana-mana pihak ketiga;
- 3.2. Reszon tidak akan membuat apa-apa sumbangan, sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai, atau melalui apa-apa cara lain, bagi menyokong mana-mana parti atau calon politik. Kami sedar bahawa hal ini boleh dilihat sebagai cubaan untuk meraih manfaat perniagaan secara tidak wajar;

- 3.3. Reszon akan memastikan bahawa apa-apa sumbangan amal yang dibuat adalah sah dan beretika di bawah undang-undang dan amalan setempat, dan sumbangan tersebut tidak digunakan untuk memudahkan atau menyembunyikan perbuatan sogokan;
- 3.4. Reszon menerima layanan hospitaliti dan kemurahan hati yang biasa dan wajar, sama ada diberikan kepada atau diterima secara terus daripada pihak ketiga, selagi pemberian dan/atau penerimaan hadiah tidak disertai dengan apa-apa pertukaran pertolongan atau manfaat secara tersurat atau tersirat dan mempunyai nilai monetari yang kecil; dan
- 3.5. Reszon tidak akan terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang termasuk pengubahan wang haram, pemerasan, pakatan sulit, penyalahgunaan kuasa dan/atau apa-apa bentuk sogokan, sama ada secara langsung atau secara pasif atau melalui mana-mana pihak ketiga seperti ejen, pengedar, atau pegawai awam luar di mana-mana sahaja di seluruh dunia.

#### **4. TANGGUNGJAWAB PEKERJA**

- 4.1. Reszon akan memastikan bahawa semua pekerja Syarikat sama-sama bertanggungjawab dalam pencegahan, pengesanan dan pelaporan apa-apa bentuk rasuah dan sogokan. Mereka juga dikehendaki mengelakkan apa-apa aktiviti yang dengan sengaja boleh membawa kepada, atau menandakan pelanggaran Dasar ini;
- 4.2. Jika terdapat apa-apa alasan yang kuat untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa rasuah atau sogokan telah berlaku, perkara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Sumber Manusia; dan
- 4.3. Pekerja, tanpa mengira jawatan, yang melanggar Dasar ini boleh dikenakan tindakan tatatertib dan boleh berdepan dengan pemecatan akibat salah laku berat. Reszon berhak menamatkan hubungan kontraktual dengan pekerja jika mereka didapati melanggar Dasar ni.

#### **5. SEMAKAN SEMULA DAN PEMANTAUAN**

- 5.1. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memantau keberkesanan dan kebolehterimaan Dasar ini dan akan menyemak semula perlaksanaan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun;
- 5.2. Reszon akan memberikan latihan tentang Dasar ini kepada Ketua Jabatan yang berkaitan sebagaimana dan apabila terdapatnya keperluan. Dasar ini juga akan disampaikan kepada pembekal, kontraktor, rakan perniagaan atau mana-mana orang berkaitan yang lain pada permulaan perniagaan, dan mengikut kesesuaian sesudah itu; dan

5.3. Dasar ini bukan merupakan sebahagian daripada kontrak pekerjaan pekerja dan boleh dipinda atau disemak pada bila-bila masa bagi meningkatkan keberkesanan memerangi rasuah dan sogokan.

Januari 2023